



NAJIB Razak hadir pada hujahan di akhir kes pendakwaan, tuduhan penyelewengan dana 1MDB di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Jalan Duta, semalam. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

# 1MDB: Najib tarik balik rayuan singkir hakim

**PUTRAJAYA:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menarik balik rayuannya berhubung permohonannya untuk menyingkirkan hakim yang mendengar kes penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dihadapinya.

Perkara itu dimaklumkan oleh peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah terhadap panel tiga hakim Mahkamah Rayuan di sini semalam.

Panel tiga hakim diketuai Datuk Che Mohd Ruzima Ghazali bersidang bersama-sama Datuk Ahmad Zaidi Ibrahim dan Datuk Azman Abdullah sepatutnya mendengar rayuan itu semalam.

“Permohonan untuk hakim (Datuk Collin Lawrence Sequerah) menarik diri difailkan pada Ogos tahun lalu. Permohonan telah didengar serta diputuskan dan bicara telah diteruskan. Jasmine Loo juga telah memberi keterangan selama 10 hari. Banyak perkara telah berlaku sepanjang tempoh itu sehingga hari ini (semalam),” ujar Muhammad Shafee.

Menurut peguam itu, pihaknya akan menjadikan isu (konflik kepentingan) sebagai alasan rayuan sekiranya mere-

ka perlu merayu dalam kes itu pada masa hadapan.

Tambahnya, jika mereka perlu merayu kelak, isu berkait hakim bicara, Datuk Collin Lawrence Sequerah dan bekas peguam 1MDB, Jasmin Loo Ai Swan akan memberi kelebihan kepada mereka terutama sekiranya keterangan wanita itu diambil kira.

Selain itu, Muhammad Shafee menyatakan, sekiranya rayuan itu didengar semalam, mereka terpaksa menghadapi kemungkinan berhadapan dengan prinsip estoppel (tidak boleh merayu atas isu sama).

Pendakwaan yang dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Kamal Baharin Omar tidak membantah terhadap permohonan menarik balik rayuan tersebut.

Pada 18 Ogos 2023, hakim bicara 1MDB, Datuk Collin Lawrence Sequerah (kini Hakim Mahkamah Rayuan) menolak permohonan Najib agar beliau menarik diri daripada terus mengendalikan kes itu atas alasan tidak akan timbul konflik kepentingan mahupun mewujudkan situasi tidak adil atau berat sebelah terhadap bekas Ahli Parlimen Pekan itu.